

*editor*

RANI ANN BALARAMAN  
MOHAMAD SAIFUDIN MOHAMAD SALEH  
RIZKI BRIANDANA

HIMPUNAN  
TINTA PENSYARAH  
MALAYSIA  
*DAN*  
INDONESIA



Hak penerbitan oleh Syihabudin Press.

Tidak dibenarkan mengulang cetak mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain, sebelum mendapat izin secara bertulis daripada Syihabudin Press Enterprise. Pihak penerbit tidak bertanggungjawab atas kesilapan maklumat walaupun langkah berjaga-jaga sudah diambil.

Dikemaskini pada **SEPTEMBER 2021**

Penerbit Eksekutif : Nur Syamimi Izzati Bt. Hasnol Yadi  
Pengurus Penerbitan : Syihabudin Ahmad  
Editor Pengurusan : Solehah Binti Abu Bakar  
Pembantu Editor : Aina Razita Ahmad Rosman  
Percetakan : Muhammad Muazzam bin Azri  
Pereka Letak/Kulit : Aina Razita Ahmad Rosman

**Dicetak oleh:**

Santai Ilmu Publication  
9AF, SU Mall, Jalan Bidara 8, Saujana Utama  
47000 Sg. Buloh, Selangor.  
Tel: 03-60391572 | 0133023316  
e-mel: santailmu2u@gmail.com  
www.santailmu.net  
#santailmu

ISBN: 978-967-28235-1-3

## KANDUNGAN

<b>Prakata</b>	<b>1</b>
<b>Bab 1: Kerjaya, Diri Sendiri, Keluarga Dan Rakan</b>	<b>3</b>
Tinta I – Keluarga, Rakan, Dan Pelajar <i>Rani Ann Balaraman</i>	4
Tinta II – Keluarga Atau Pelajar? Membimbing Dan Mengajar Pelajar Dari Rumah Semasa Pandemik Covid-19 <i>Nur Atikah A Rahman</i>	14
Tinta III – Khidmat Masyarakat: Membantu Atau Sebenarnya Dibantu? <i>Sharifah Nadiyah Syed Mukhiar</i>	24
Tinta IV – Antara Cinta Dengan Cita-Cita <i>Haerani Mustari</i>	31
Tinta V – Anak Kampung, Pensyarah Dan Calon Profesor <i>Ibrahim Muhammad Saleh</i>	39
Tinta VI – Menjalani Kitaran Penuh Sebagai Pensyarah Universiti <i>Souba Rethinasamy</i>	49
<b>Bab 2: Pengalaman Belajar Di Luar Negara</b>	<b>62</b>
Tinta VII – Timba Ilmu Di Bumi Eropah <i>Mohamad Saifudin Mohamad Saleh</i>	63

### **Biodata Penulis**

Dr. Rani Ann Balaraman ialah pensyarah kanan di Pusat Pengajian Komunikasi, Universiti Sains Malaysia. Beliau memperoleh Ph.D dalam bidang Kewartawanan dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2013. Beliau boleh dihubungi menerusi e-mel: rani\_balaraman@usm.my

Dr. Nur Atikah A Rahman berkhidmat sebagai pensyarah kanan di Pusat Pengajian Komunikasi, Universiti Sains Malaysia. Beliau memperoleh Ph.D dalam bidang Komunikasi Massa dari Universiti Putra Malaysia pada tahun 2018. Beliau boleh dihubungi menerusi e-mel: atikaharahman@usm.my

Dr. Sharifah Nadiyah Syed Mukhiar seorang pensyarah kanan di Pusat Pengajian Komunikasi, Universiti Sains Malaysia. Beliau memperoleh Ph.D dalam bidang Komunikasi Massa dari Ohio University pada tahun 2015. Beliau boleh dihubungi menerusi e-mel: nadiyahmukhiar@usm.my

Dr. Haerani Mustari ialah pegawai di Kementerian Agama Republik Indonesia dan pensyarah tidak tetap di Fakultas Ilmu Sosial Universitas Negeri Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia. Beliau memperoleh ijazah doktor falsafah (Ph.D) dalam bidang Undang-Undang dari Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia 2018. Beliau boleh dihubungi menerusi e-mel: haeraniarham@gmail.com

Profesor Madya Dr. Ibrahim Muhammad Saleh ialah pensyarah kanan bergelar Profesor Madya di Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Pontianak, Kalimantan Barat Indonesia. Memperoleh Ph.D dalam bidang Kajian Komunikasi Antarabudaya (Sosiolinguistik) Institut Alam dan Tamadun Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2013. Beliau boleh dihubungi menerusi e-mel ibrahim@iainptk.ac.id

Profesor Madya Dr. Souba Rethinasamy ialah Pensyarah Bahasa Inggeris di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera (Sains) dengan Pendidikan dari Universiti Sains Malaysia (USM), Sarjana dalam Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua dari Universiti Malaya (UM) dan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D.) dari University of Roehampton, London. Beliau berpengalaman

mengajar di universiti selama lebih 20 tahun dan pernah memegang jawatan sebagai Dekan serta Pengarah Antarabangsa. Beliau boleh dihubungi menerusi e-mel: [rsouba@unimas.my](mailto:rsouba@unimas.my)

Dr. Mohamad Saifudin Mohamad Saleh berkhidmat sebagai pensyarah kanan di Pusat Pengajian Komunikasi, Universiti Sains Malaysia. Beliau memperoleh Ph.D dalam bidang Komunikasi Alam Sekitar dari Leuphana University of Lüneburg, Jerman pada tahun 2016. Beliau boleh dihubungi menerusi e-mel: [saifudinsaleh@usm.my](mailto:saifudinsaleh@usm.my).

Dr. Haidir Fitra Siagian berkhidmat sebagai pensyarah kanan di Pusat Pengajian Komunikasi, Fakulti Dakwah dan Komunikasi Universitas Islam Negeri Alauddin Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia. Beliau memperoleh Ph.D dalam bidang Komunikasi Politik dari Pusat Pengajian Media dan Komunikasi Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2015. Beliau boleh dihubungi menerusi e-mel: [hfitra.siagian@uin-alauddin.ac.id](mailto:hfitra.siagian@uin-alauddin.ac.id)

Dr. Muhammad Ruslan Ramli berkhidmat sebagai pensyarah kanan di Fakultas Ilmu Komunikasi, Universitas Esa Unggul, Jakarta, Indonesia. Beliau memperoleh ijazah Doktor Falsafah dalam bidang

Komunikasi dari Pusat Pengajian Media dan Komunikasi Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2016. Beliau boleh dihubungi menerusi e-mel: [ruslan.ramli@esaunggul.ac.id](mailto:ruslan.ramli@esaunggul.ac.id).

Dr. Arham Selo ialah pensyarah kanan di Pusat Pengajian Komunikasi, Fakultas Dakwah dan Komunikasi Universitas Islam Negeri Alauddin Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia. Beliau memperoleh ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang Komunikasi dari Pusat Pengajian Media dan Komunikasi Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia 2016. Beliau boleh dihubungi menerusi e-mel: [arhamselo69@gmail.com](mailto:arhamselo69@gmail.com)

Profesor Madya Dr. Nik Adzrieman Abdul Rahman berkhidmat sebagai Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni di Universiti Utara Malaysia Cawangan Kuala Lumpur. Beliau memperoleh Ph.D dalam bidang Komunikasi (Media Baharu) dari University of Hull, United Kingdom pada 2012. Beliau boleh dihubungi menerusi e-mel: [adzrieman@uum.edu.my](mailto:adzrieman@uum.edu.my)

## Prakata

Buku ini menghimpunkan koleksi cerita tentang pengalaman para pensyarah dari Malaysia dan Indonesia yang meliputi aspek pengajaran, pembelajaran, kenangan menimba ilmu, pengurusan antara kerjaya, keluarga dan rakan-rakan. Himpunan cerita ini didokumentasikan dengan tujuan menginspirasi para pembaca khususnya para pelajar universiti di Malaysia dan di Indonesia.

Inti pati utama dalam buku ini menekankan aspek pahit manis sesebuah kejayaan yang jelas bukannya sesuatu yang mudah dan hanya boleh dicapai dengan kesabaran dan kecekalan. Begitulah yang dilalui oleh kebanyakan pensyarah yang bermula dengan pelbagai cabaran dalam kehidupan mereka. Malah, setelah menjadi seorang pensyarah, mereka masih dibelenggu dengan pelbagai cabaran dalam kerjaya dan kehidupan mereka. Namun, setiap satunya boleh diatasi dengan kehadiran dan sokongan daripada ahli keluarga dan rakan-rakan yang berfikiran positif. Justeru, dalam buku ini, kebanyakan penulis menekankan peri pentingnya memiliki sokongan yang padu daripada orang sekeliling dalam mendepani pelbagai cabaran hidup.

Dalam buku ini, elemen inspirasi menjadi tumpuan utama yang ditekankan kepada para pembaca. Sebahagian penulis berkongsikan tentang cara mereka menguruskan keluarga dan mencapai impian mereka. Ada juga pensyarah yang berkongsi pengalaman mereka belajar di luar negara yang asing dari negara sendiri. Penulisan seperti ini dapat memberikan inspirasi kepada pembaca khususnya golongan muda yang mempunyai cita-cita untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara. Begitu juga dengan perkongsian tentang skop kerjaya pensyarah yang dapat memberikan inspirasi kepada pembaca yang bercita-cita untuk menjadi seorang pensyarah kelak. Cerita-cerita sebegini amat jarang ditemui dalam sebuah buku yang santai sebegini.

Bagi memudahkan pembacaan, buku ini dibahagikan kepada tiga bab utama, iaitu bab satu tentang kerjaya, diri sendiri, keluarga dan rakan; bab dua tentang pengalaman belajar di luar negara; dan bab tiga tentang dilema dan cabaran. Terdapat 23 karya penulisan menarik yang dimuatkan dalam buku ini untuk tatapan pembaca. Tinggi harapan agar buku ini dapat bermanfaat kepada para pembaca di luar sana.

**TINTA VI**  
**MENJALANI KITARAN**  
**PENUH SEBAGAI PENSYARAH**  
**UNIVERSITI**

**Souba Rethinasamy**

**Saya Seorang Guru**

Sesungguhnya hidup ini penuh dengan pelbagai peluang, terpulang kepada kita sama ada ingin mengambil peluang yang ada bagi menggapai impian dan mengukir destinasi hidup kita. Saya berkelulusan pengajian ijazah sarjana muda dalam dua jurusan, iaitu Biologi dan Bahasa Inggeris dari Universiti Sains Malaysia (USM) pada tahun 1993. Dengan berbekalkan segulung ijazah, saya ditempatkan di sebuah sekolah di pinggiran Sarawak sebagai guru. Ketika berkhidmat sebagai seorang guru, saya terlihat iklan jawatan kosong sebagai guru bahasa di USM dalam sebuah akhbar tempatan.

Walaupun pengalaman masih setahun jagung, namun saya tidak melepaskan peluang memohon jawatan, tetapi saya tidak mempunyai sebarang harapan untuk mendapat jawatan berkenaan. Namun tanpa saya jangka, selepas beberapa bulan, saya

menerima khabar menerusi telegram untuk ditemu duga. Dengan perasaan yang cukup teruja, saya cuba untuk menempah tiket penerbangan bagi menghadiri sesi temu duga tersebut, tetapi hampa kerana tiket penerbangan telah habis dijual memandangkan waktu tersebut merupakan minggu sambutan Hari Raya Aidilfitri. Pada tahun 1994, Syarikat Penerbangan Malaysian Airlines (MAS) merupakan satu-satunya syarikat penerbangan yang menawarkan perkhidmatan penerbangan secara domestik dari Kuching dan hal ini menyebabkan saya tiada pilihan.

Kejadian itu mungkin boleh mematahkan semangat dan menyebabkan saya berputus asa, tetapi tidak, saya tidak berbuat demikian. Saya mengemaskan beg saya dan terus ke lapangan terbang dan mendaftar nama saya dalam senarai menunggu. Saya berada di lapangan terbang dengan penuh harapan walaupun kebarangkalian untuk saya mendapatkan penerbangan adalah amat tipis. Setelah hampir dua jam menunggu, nama saya dipanggil. Saya terkejut, tetapi gembira. Saya bergegas menaiki pesawat bagi penerbangan ke Kuala Lumpur. Hampir pukul dua pagi, saya selamat mendarat di Lapangan Terbang Subang (pada masa itu KLIA belum wujud lagi) dan saya lihat semua kaunter sudah tutup. Saya bertanya kepada seorang pramugari, tempat yang



boleh saya menempah tiket untuk menyambung penerbangan ke Pulau Pinang. Saya diberitahu bahawa saya kini berada di terminal 1 dan saya perlu ke terminal 3 untuk menaiki penerbangan domestik ke Pulau Pinang.

Saya tidak tahu langsung kewujudan terminal-terminal penerbangan ini. Dengan segera saya bergegas ke terminal 3 bagi mendapatkan penerbangan saya ke Pulau Pinang. Dengan bantuan daripada sebuah keluarga yang berhati mulia yang tidak saya kenali, saya berjaya ke terminal tiga pada jam 3 pagi. Kemudian dengan menggunakan telefon awam, saya menempah tiket ke Pulau Pinang melalui talian MAS 24 jam. Saya berada di terminal 3 hingga jam tujuh pagi dan akhirnya menaiki penerbangan ke Pulau Pinang. Di Lapangan Terbang Pulau Pinang, ayah saya telah sedia menunggu dan terus menghantar saya ke USM dengan menggunakan motosikal beliau. Saya berjaya menghadiri temu duga tersebut yang juga merupakan temu duga formal pertama saya.



*Foto 1: Gambar penulis*

### **Guru Bahasa Di USM**

Setelah beberapa bulan berlalu, saya menerima surat tawaran untuk menyandang jawatan sebagai guru bahasa. Kegembiraan semasa saya menerima berita baik itu tidak dapat saya gambarkan. Saya bangga dengan diri saya sendiri kerana berjaya menjawat jawatan itu pada usia seawal 25 tahun. Saya menerima tawaran tersebut dan mengajar Bahasa Inggeris Saintifik untuk pelajar perubatan dan kejururawatan di USM Kubang Kerian. Mengajar di sini memberikan satu kepuasan kepada saya. Saya tertarik dengan dunia akademik ini dan teruja kerana dikelilingi oleh para cendekiawan yang berkelayakan dan berpengetahuan tinggi, hasrat untuk menyambung pengajian sudah mula menapak dalam diri saya.

Membaca surat khabar memang tabiat harian saya sejak di bangku sekolah. Suatu hari saya ternampak iklan dalam akhbar bagi peluang meneruskan pengajian dalam Ijazah Sarjana Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di Univesiti Malaya (UM). Walaupun saya sedar yang saya tidak mempunyai pengalaman mengajar yang secukupnya, saya tetap mencuba nasib. Sekali lagi nasib menyebelahi saya. Saya berjaya dalam permohonan tersebut. Namun begitu, ia merupakan satu keputusan yang sukar bagi saya. Hal ini disebabkan saya terpaksa melepaskan jawatan sebagai guru bahasa di USM. Namun, semangat untuk belajar yang berkobar-kobar, mengatasi segalanya.

Saya meletak jawatan dan menyambung pengajian sepenuh masa di Pusat Bahasa (kini dikenali sebagai Fakulti Bahasa dan Linguistik-FBL) di UM. Semasa mengikuti pengajian di UM, saya merupakan pelajar termuda di dalam kelas di samping rakan kursus lain yang berpengalaman luas. Selepas menyempurnakan kerja kursus, saya terus memulakan penyelidikan untuk disertasi. Ketika itulah saya ditawarkan jawatan sebagai guru bahasa di FBL. Saya tidak melepaskan peluang tersebut dan pada masa yang sama berjaya menyempurnakan disertasi saya dan berjaya menggenggam ijazah sarjana.

## **Belajar Di Luar Negara**

Dua tahun kemudian, saya dan suami mula merancang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah doktor falsafah (Ph.D) di luar negara. Pada tahun 2002, suami saya diterima masuk ke Oxford University manakala saya mendapat peluang untuk meneruskan pengajian di Reading University. Suami saya berangkat ke United Kingdom (UK) tiga bulan lebih awal daripada saya untuk mencari tempat penginapan yang sesuai dan menguruskan hal-hal yang lain. Kemudian, saya mengikut jejak beliau bersama anak kami yang berusia tiga tahun pada ketika itu. Kami menginap di sebuah penginapan keluarga iaitu *Wolfson College Family Accommodation* di Oxford University. Walaupun peluang melanjutkan pengajian di negara empat musim dengan biasiswa kedengaran menyeronokkan, ia amat mencabar bagi kami sebagai pasangan suami isteri untuk belajar Ph.D, di samping anak kecil yang berusia tiga tahun. Suami saya perlu ke makmal setiap hari bagi menjalankan kajian, manakala saya perlu berjumpa penyelia saya sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh dua hingga tiga minggu. Oleh sebab itu, kami mengambil keputusan untuk tinggal di Oxford.

Untuk ke Reading University dari penginapan saya di Oxford, saya terpaksa berjalan kaki ke tempat perhentian bas, mengambil bas ke stesen kereta api dan seterusnya mengambil kereta api ke Reading. Daripada stesen kereta api di Reading, saya terpaksa mengambil sebuah lagi bas ke universiti dan kemudian terpaksa berjalan kaki sejauh 1km untuk tiba di fakulti saya. Keseluruhannya, ia mengambil masa antara satu hingga dua jam untuk saya sampai dari kediaman saya di Oxford ke jabatan saya di Reading University. Bayangkan, saya memilih untuk meninggalkan kehidupan mewah sebagai pensyarah di universiti. Dahulu saya tinggal di sebuah rumah besar dua tingkat dan memandu kereta yang berhawa dingin, kini saya terpaksa tinggal di rumah kecil, menghadapi keperitan berjalan kaki dan mengambil beberapa pengangkutan awam di UK.

Setelah berjaya membentangkan cadangan penyelidikan Ph.D pada hujung tahun pertama pengajian, penyelia saya Profesor Barry O'Sullivan, memaklumkan bahawa beliau akan berpindah ke Roehampton University di bandaraya London. Saya hampa, tetapi setelah diyakinkan oleh beliau bahawa saya akan turut dibawa ke universiti baharu beliau, semangat saya kembali pulih sedikit. Namun, saya perlu mendapat kelulusan daripada UNIMAS untuk

berpindah universiti. Tanpa melengahkan masa, saya terus memohon kepada pihak UNIMAS untuk berpindah dari Reading University ke Roehampton University. Sementara menunggu persetujuan daripada pihak UNIMAS, kegelisahan membelenggu saya, namun saya cuba sedaya upaya untuk terus fokus pada pengajian saya. Mujurlah, dalam beberapa bulan kemudian permohonan saya diluluskan. Saya diberi kebenaran untuk menukarkan pengajian saya ke Roehampton University sebagai pelajar Ph.D. tahun dua.

Walaupun persetujuan pihak UNIMAS mengakhiri dilema dan kegelisahan saya, pertukaran pengajian ke tempat yang baharu bererti perjalanan saya ke institusi pengajian baharu bertambah rumit. Saya perlu berulang alik ke London dengan penambahan penggunaan satu lagi pengangkutan awam, iaitu kereta api terowong bawah tanah-underground tube dan tambahan dua hingga tiga jam perjalanan. Keadaan ini menyebabkan jumlah masa perjalanan dari penginapan saya di Oxford ke universiti saya di London menjadi hampir lapan jam. Bayangkan lapan jam perjalanan dengan beg galas berisi komputer riba yang perlu saya pikul sambil memakai jaket tebal, sarung tangan, selendang dan *topi toque!*

## **Kembali Ke UNIMAS**

Dalam lapan bulan terakhir pengajian, semasa saya dan suami sibuk menyiapkan penulisan tesis, ibu bapa saya dengan senang hati menghulurkan bantuan. Mereka datang ke UK untuk tinggal dan membantu menjaga anak kami. Berkat bantuan ibu bapa saya yang datang tepat pada masanya, serta semangat dan komitmen saya untuk menamatkan pengajian, saya berjaya menamatkan Ph.D dan kembali menyertai UNIMAS pada 28 Februari 2006. Pengalaman belajar di UK bersama suami ditambah pula tanggungjawab sebagai ibu kepada anak yang masih kecil ialah cabaran besar dalam hidup saya. Namun, ia sebenarnya satu rahmat yang menyuburkan lagi rencam kehidupan saya. Ia telah melakar kenangan indah yang tidak dapat saya lupa akan sepanjang hayat saya.

Setahun setelah saya kembali ke Malaysia setelah tamat pengajian Ph.D saya melahirkan anak kedua dan rezeki saya, semasa si kecil itu berusia lapan bulan, saya dilantik sebagai dekan pada 1 Jun 2007. Melangkahi usia pertengahan 30-an bersama dua anak kecil dan pengalaman pentadbiran yang cetek, saya berdepan dengan pelbagai cabaran. Rutin harian saya bermula seawal jam 6.50 pagi. Saya

bergerak dari rumah untuk menghantarkan anak sulung saya ke sekolah lalu bergegas ke pejabat. Semasa bekerja, saya harus menumpukan perhatian terhadap tanggungjawab dari segi kerja pentadbiran serta pengajaran saya. Setelah sampai di rumah, saya biasanya meluangkan masa bersama anak-anak dengan membawa mereka ke taman permainan serta menidurkan mereka. Kemudian kira-kira pada pukul 10.30 malam, saya terus ke bilik belajar dan membuka komputer untuk menjalankan tugas penyeliaan, penyelidikan dan menulis sehingga larut malam. Secara purata, saya hanya tidur sekitar lima hingga enam jam sehari. Beginilah rutin kerja semasa memegang jawatan pentadbiran. Namun begitu, saya berjaya memikul tanggungjawab yang diamanahkan kepada saya selama empat tahun dengan sokongan padu daripada suami saya dan saya sangat bertuah kerana dibantu oleh seorang pengasuh yang penyayang. Dia menjaga anak-anak saya dengan baik semasa saya dan suami bekerja. Jasa dan pertolongan beliau memberi saya ketenangan minda dan membolehkan saya menumpukan sepenuh perhatian semasa bekerja.

Selepas 4 tahun memikul tanggungjawab yang penuh dengan pelbagai cabaran dan dugaan, saya lega dapat kembali ke pangkuan bidang akademik.



Kini pada usia awal 50-an, saya kembali pada tugas hakiki sebagai pensyarah. Dalam meniti tahun-tahun akhir saya sebagai seorang ahli akademik, saya terus memberikan tumpuan sepenuhnya terhadap pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, penerbitan dan memberikan sumbangan yang lebih bermakna dalam proses pembelajaran pelajar dan juga kepada masyarakat. Perjalanan kerjaya sebagai seorang pensyarah masih berterusan.